

# ‘Usah persoal sokongan saya terhadap DAP’

**Datuk** Seri Anwar Ibrahim sedia berdepan sesiapa sahaja yang mempersoalkan sokongan beliau terhadap DAP, satu daripada parti komponen Pakatan Harapan (PH) yang membentuk Kerajaan Perpaduan.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi PH menegaskan, tidak ada sebab untuk menghina DAP dengan menyatakan mereka adalah ancaman kepada Islam dan orang Melayu.

“Saya ingin menyatakan bahawa walaupun mempertahankan DAP akan menyebabkan sokongan kepada saya berkurangan, saya menegaskan saya hanya mempertahankan hak dan saya sanggup berdepan dengan sesiapa sahaja dalam hal ini.

“Kita telah memperkenalkan pelbagai program untuk FELDA, untuk orang Islam, untuk Melayu dan Bumiputera, malah untuk memenuhi keperluan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

“Tidak pernah sekali pun wakil DAP (dalam Jemaah Menteri) menentang program ini,” katanya yang juga Presiden PKR.

Menegaskan demikian ketika menyampaikan ucapan dasar pada Kongres Nasional Keadilan 2023, di sini malam kelmarin, Anwar turut mempersoalkan bagaimana seseorang yang melabelkan dirinya sebagai haji atau ustaz boleh merendahkan dan menghina kaum lain.

“Bagaimana kita boleh menggambarkan diri kita dengan nilai Islam sedangkan kita cenderung untuk merendahkan, menghina dan menuduh seseorang secara

palsu tanpa asas?” katanya tanpa menamakan sesiapa, namun dipercayai merujuk kepada Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Marang itu beberapa kali mendakwa DAP mempunyai agenda Cina dan parti itu pro-Komunis, anti-Islam dan pemimpin mereka juga anti-Melayu.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, parti yang membentuk Kerajaan Perpaduan menolak secara tegas segala percubaan Perikatan Nasional (PN) meruntuhkan kerajaan dan cubaan 'tebuk atap' oleh parti tertentu.

“Kini, genap satu tahun berlalu. Pada peringkat awal memang pengalaman kerajaan terumbang-ambing kerana ada percubaan untuk mengintai dan mendesak untuk mengulangi amalan ‘tebuk atap’, tetapi kesetiaan teruji. Sebab itu mereka (parti dalam Kerajaan Perpaduan) kekal (setia).

“Hari ini rakan dalam pimpinan dan Jemaah Menteri memilih kerajaan yang inklusif dan mewakili semua kaum dan wilayah,” katanya menambah, kesepakatan parti dalam Kerajaan Perpaduan kini berlegar kepada persoalan tatanan negara, memperbaiki tatakelola dan keutamaan untuk memulihkan ekonomi negara.

“Sewajarnya parti keseluruhan menyatakan penghargaan kepada rakan yang memungkinkan pembentukan Kerajaan Perpaduan,” katanya.